

BPPLAS tingkatkan pengeluaran dua produk

BATU PAHAT 27 Mei – Permintaan terhadap filem *polyethylene* dan beg plastik dijangka terus meningkat ekoran permintaan tinggi di pasaran antarabangsa sejak kebelakangan ini.

Pengerusi BP Plastics Holdings Bhd., (BPPLAS) Lim Chun Yow berkata, pihaknya akan meningkatkan lagi pengeluaran kedua-dua produk tersebut dengan mengembangkan

operasinya.

Menurut beliau, permintaan tinggi itu membuka peluang untuk syarikat tersebut mengembangkan perniagaannya di Australia dan New Zealand menerusi Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN menjelang 2010.

"Ini kerana perjanjian tersebut membuka nilai pasaran sehingga mencecah AS\$2.3 trilion (RM8.1 trilion)," katanya selepas Mesyuarat

Agung Kelima syarikat tersebut, di sini semalam.

Beliau berkata, peningkatan pasaran produk syarikatnya pula begitu ketara sejak suku pertama tahun ini.

"Jualan kami meningkat 25 peratus sepanjang tempoh tersebut berbanding tempoh suku keempat tahun 2008 walaupun berdepan dengan masalah ekonomi dunia," ka-

tanya.

Sementara itu, Chun Yow berkata, syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM4 juta menerusi perolehan RM34.5 juta bagi tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

"Walaupun ia lebih rendah berbanding keuntungan sebelum cukai sebanyak RM5.3 juta menerusi perolehan RM67.4 juta tempoh yang

sama tahun lalu, namun kami yakin keuntungan itu akan terus meningkat berdasarkan beberapa faktor," katanya.

Pada mesyuarat agung tersebut, pemegang saham BPPLAS telah meluluskan dividen terakhir 2 sen se-saham yang mewakili 31 peratus daripada keuntungan bersih syarikat pada tahun 2008 bernilai RM11.73 juta.